

BESTARI

EDITOR: NURUL AIN & HAMMA JAMALUDDIN
TEL: 03-890-224777 SAMP: 8.50
E-MAIL: bestari@metro.com.my



ADA juga pelajar bekerja sebagai pembantu pejabat.

PENGISIAN CUTI SEMESTER

Ada siswa bijak guna masa dengan melakukan kerja sambilan untuk tambah duit poket

Fazurawati Che Lah
fazurawati@metro.com.my

Ada segelintir penuntut universiti mampu mengumpul lebih RM4,000 sepanjang tempoh musim cuti semester. Nilai itu amat besar sekiranya dimanfaatkan penuntut untuk menambahkan duit poket bagi memulakan pengajian

pada semester akan datang. Keadaan ini membuktikan penuntut kini bijak mencari wang terutama setiap kali cuti semester, malah ada yang tidak sabar untuk bekerja sebaik tamat peperiksaan semester akhir. Pelbagai pekerjaan dilakukan antaranya menjadi pembantu pejabat, pembantu

penyelidik, juruwang di pasar raya atau pencuci. Penuntut Sarjana Pengajian Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (APMUM), Nurul Asmaa Akmal Md Din, 23, mengakui mampu meraih lebih RM2,000 sebulan dengan melakukan kerja sebagai pencuci pada cuti semester lalu. Katanya, sebaik tiba

cuti semester, dia tidak melepaskan peluang melakukan kerja sambilan sejak awal pengajian pascasiswazah bagi menampung perbelanjaan harian dan yuran pengajian. Memilih untuk menjadi pencuci biarpun mempunyai kelayakan akademik dan dia tidak sedikit pun berasa malu melakukan pekerjaan itu.

Malah kerja itu mudah diperolehnya kerana permintaan mencuci dan mengemas sangat tinggi terutama di ibu kota. "Setiap jam saya dibayar RM16 hingga RM60 bergantung jenis kerja yang dilaksanakan. Selalunya saya melakukan kerja mencuci dan mengemas selama enam atau lapan jam sehari.

"Kalau bernasib baik, dalam sehari boleh dapat antara RM200 hingga RM300," katanya yang menjalankan pekerjaan itu bersama rakannya, Muhammad Faiz Ab Aziz. Katanya, keputusan melakukan kerja sambilan bertujuan menampung yuran dan perbelanjaan sepanjang mengikuti program sarjana.

"Apabila sambung ke peringkat sarjana ini, saya tekad tidak mahu meminta wang belanja daripada ibu dan ayah selain tidak mahu membuat pinjaman pendidikan.

"Memandangkan kuliah hanya pada hujung minggu, saya mempunyai banyak masa. Berikutan itu, saya membuat keputusan kerja sambilan ini sejak tahun pertama pengajian," katanya. Menurut Nurul Asmaa, bukan tidak mahu mendapatkan pekerjaan yang tetap, tetapi dengan melakukan kerja sambilan dia tidak terikat dengan waktu bekerja. Katanya, selain dapat menambah duit poket dengan melakukan pekerjaan sambilan, banyak manfaat lain diperoleh terutama kemahiran komunikasi dan meningkatkan keyakinan diri.

Berbeza pula dengan dua penuntut dari Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Muhamad Syafiq Mohd Rusli dan Zafri Aiman Zaimeri, masing-masing 20 tahun, yang menjadikan hobi membela haiwan eksotik sebagai pendapatan sampingan. Muhamad Syafiq berkata, dia meminati haiwan eksotik cicak berjanggut atau 'bearded dragon' sejak di bangku sekolah bagaimanapun



NURUL Asmaa



MUHAMMAD Amir Harith

tidak pernah membela cicak itu.

"Saya mula memelihara cicak ini sejak tahun lalu iaitu pertengahan semester dua ketika mengikuti Asasi Sains Pertanian (ASPER) di UPM.

"Keberutan rakan sebilik saya juga meminati haiwan yang sama dan kami banyak membuat rujukan berkenaan haiwan spesies ini," katanya.

Bermula dengan hobi sehingga suatu ketika dia dan rakannya menerima naklum balas daripada orang ramai untuk membeli spesies itu.

"Setakat ini, saya sudah menjual 11 ekor cicak berjanggut dengan kebanyakannya dijual antara RM150 hingga RM180 mengikut saiz.

"Hasil jualan itu, saya gunakan untuk perbelanjaan di universiti, selain membeli cicak berjanggut yang baharu," katanya.

Katanya, sehingga kini dia mempunyai 19 ekor cicak berjanggut dan satu induk yang sudah menghasilkan telur sebanyak 15 biji.

Pada masa sama, ada sebahagian penuntut memilih untuk terus pulang ke kampung halaman dan tidak kurang juga menyertai aktiviti yang mungkin direncanakan pihak universiti melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

masing-masing.

Bagi Yang Dipertua (YDP) MPP Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2018/2019, Muhammad Amir Harith Abdul Jalil, antara aktiviti yang dilaksanakan pihaknya adalah dengan menyelesaikan beberapa isu berkaitan kebajikan mahasiswa yang sentiasa menjadi perhatian MPP.

Katanya, dengan adanya pelajar diploma yang baru memulakan pengajian, amat penting untuk melaksanakan beberapa aktiviti berkaitan dengan universiti.

"Terdapat juga beberapa aktiviti yang akan dilaksanakan mengikut perancangan antaranya Hari Keluarga Diploma, Persilangan Mahasiswa UniMAP dan bank makanan.

"Fokus terhadap kebajikan mahasiswa yang terdekat adalah berkenaan Denai Mahasiswa yang menghubungkan jalan dari Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah ke Dewan Kuliah," katanya.

Berkenaan cadangan kepada pengurusan universiti untuk memanfaatkan cuti semester pelajar, Muhammad Amir Harith berkata, pihaknya berharap peluang dapat diberikan kepada pelajar untuk bekerja dalam bidang berkaitan.



MUHAMAD Syafiq dan Zafri Aiman menjadikan hobi membela haiwan eksotik sebagai pendapatan sampingan.



BEARDED Dragon yang dibela Muhamad Syafiq dan Zafri Aiman.



KERJA mencuci dan mengemas boleh dilakukan bila-bila masa.



PENUNTUT gemar memilih untuk menjadi guru tadika pada cuti semester.